



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
JUMAAT 4 DISEMBER 2020**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3. 4. 5. 6.	TAMBAH BAIK PENGAWALAN IMPORT KONSAINAN PERTANIAN, ONLINE, SH PENYEDIAAN DAN 2.0 KINI DI PERINGKAT AKHIR: MAFI, ONLINE, SH M'SIA CAN PRODUCE ALMOST ALL FOOD PRODUCTS – MAFI, ONLINE, BORNEO POST (KK) BASIC FOOD FOR SELF-SUFFICIENT, ONLINE, CHINA PRESS MALAYSIA CAN PRODUCE ALMOST ALL FOOD PRODUCTS CURRENTLY – MAFI, ONLINE, THE BORNEO POST MALAYSIA KINI BERUPAYA HASILKAN SEMUA MAKANAN ASAS, NASIONAL, SH -18	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14.	BERNAS GETS EXTENSION FOR TEN MORE YEARS, ONLINE, KWONG WAH YIT POH GOVT EXTENDS BERNAS CONCESSION FOR ANOTHER 10 YEARS, ONLINE, NANYANG SIANG PAU KONSESI PENSWASTAAN BERNAS DILANJUTKAN 10 TAHUN LAGI, ONLINE, UTUSAN BORNEO BERNAS TERUS DIBERIKAN MANDAT, ONLINE, SH KONSESI BERNAS DILANJUT 10 TAHUN, NASIONAL, BH -18 KONSESI BERNAS DILANJUT, NEGARA, KOSMO -11 KONSESI BERNAS DILANJUTKAN, DALAM NEGERI, UM -4 KERAJAAN LANJUT KONSESI BERNAS, NASIONAL, SH -18	INDUSTRI PADI BERAS (IPB)
14. 15. 16. 17. 18.	DUA MENTERI BERTINDAK PERANGI DAGING SELUDUP TAK HALAL, MUKA DEPAN, SH TERBONGKAR GUDANG KARTEL PROSES DAGING BABI, MUKA DEPAN, SH MENTERI ARAH PEMERIKSAAN BERSEPADU, SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU, SH -2 DOKUMENTARI TIDAK JELAS, SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU, SH -3 GUDANG KARTEL PROSES DAGING BABI, SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU, SH -8	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/12/2020	SINAR HARIAN	ONLINE	

## TAMBAH BAIK PENGAWALAN IMPORT KONSAINAN PERTANIAN



KUALA LUMPUR - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan melaksanakan langkah penambahbaikan bagi memastikan konsainan pertanian diimport bebas ancaman perosak, penyakit, bahan cemar, berkualiti dan selamat.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, antaranya ialah syarat-syarat pengimportan bagi sesuatu tumbuhan, produk tumbuhan dan artikel terkawal akan ditentukan berdasarkan Pest Risk Analysis (PRA).

Menurutnya, ia juga dinilai secara lebih terperinci bagi memastikan tumbuhan, produk tumbuhan dan artikel terkawal diimport adalah bebas penyakit dan perosak tanaman selaras dengan Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 dan Peraturan-Peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981.

"Syarat-syarat pengimportan yang telah dipatuhi kemudiannya akan ditentusahkan oleh Manual Kualiti Jabatan Pertanian (DOA) yang bertindak sebagai Pihak Berkuasa Perlindungan Tanaman (National Plant Protection Organization, NPPO) di bawah Food and Agriculture Organisation (FAO) dan akan dinyatakan di dalam Permit Import yang dikeluarkan oleh Agensi Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) sebelum disusuli dengan penguatkuasaan di pintu-pintu masuk negara.

"Selain itu, pendigitalan pemeriksaan melalui penggunaan sistem Agensi Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan i-Maqis untuk laporan pemeriksaan konsainan di pintu masuk juga dijalankan," katanya di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau menjawab pertanyaan Sim Tze Tzim (PH-Bayan Baru) mengenai tindakan kementerian itu terhadap teguran Laporan Audit Negara Tahun 2018 siri 3 Pengurusan Aktiviti Kawalan Import Konsainan Pertanian yang menunjukkan kelemahan memastikan konsainan pertanian import bebas daripada ancaman perosak, penyakit, bahan cemar, berkualiti dan selamat. Mengulas lanjut, katanya, pengaplikasian sistem itu telah berjaya meningkatkan integriti pemeriksaan di samping memendekkan tempoh berurusan di kaunter.

Dalam pada itu, beliau berkata, pihaknya turut memperkukuhkan elemen penguatkuasaan di pintu masuk secara bersepadu dengan semua jabatan dan agensi berkaitan. Beliau berkata, Maqis diberi tanggungjawab bagi menguatkuasakan langkah-langkah kawalan dan pemeriksaan konsainan import pertanian di semua pintu masuk utama negara kecuali Sabah dan Sarawak.

Menurutnya, usaha disokong melalui kepakaran jabatan dan agensi teknikal bertanggungjawab iaitu Jabatan Pertanian Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Perikanan Malaysia, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia. "Sehingga bulan Oktober 2020, bilangan kes yang ditahan melakukan kesalahan adalah sebanyak 1,105 kes dengan nilai dagangan RM134 juta.

"Sebanyak 913 kes telah dikompaun dengan nilai kutipan kompaun sebanyak RM3 juta yang melibatkan kesalahan-kesalahan yang di antaranya ialah Tiada Import Permit (Seksyen 11(1)), Tiada Eksport Permit (Seksyen 11(2)) dan Pengisytiharaan Palsu, Tidak Tepat atau Mengelirukan (Seksyen 13), Tidak Patuh Syarat Import/Eksport Permit (Seksyen 15) dan Tiada Kelulusan Transit (Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Kuarantin serta Pemeriksaan Malaysia [Kuarantin dan Pemeriksaan] 2013 (P.U. (A) 116))," katanya.

Sementara itu, katanya, pegawai Maqis turut dilibatkan dalam aktiviti naziran silang rasmi antara jabatan bagi menyemak dan menajarkan prosedur kerja yang terpakai di antara agensi untuk mengelakkan kecelaruan pelaksanaan prosedur di lapangan. Menurutnya, taklimat dan latihan lapangan turut disampaikan kepada pegawai Maqis bagi pengenalan spesies ikan terancam daripada kepupusan, sistem kawalan bagi pergerakan ikan hidup masuk, vektor penyakit ikan dan prosedur kelulusan premis kuarantin ikan hidup.

Selain itu, katanya, ia termasuk mengenai pendaftaran premis kuarantin dan penyenaian ikan, haiwan atau produk daging serta tumbuhan yang dibenarkan dibawa masuk di dalam sistem ePermit Dagang.net. "Hanya pengimport yang mempunyai kelulusan premis kuarantin sahaja yang boleh berdaftar di bawah sistem ini dan dibenarkan mengimport. "Maqis hanya boleh meluluskan permohonan permit import kepada syarikat yang tersenarai di dalam sistem ePermit ini," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/12/2020	SINAR HARIAN	ONLINE	

## PENYEDIAAN DAN 2.0 KINI DI PERINGKAT AKHIR: MAFI



KUALA LUMPUR - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam peringkat akhir menyediakan Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0) 2021-2030 ke arah pembangunan sektor agromakanan mampan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, DAN 2.0 memberikan tumpuan kepada pemerkasaan industri padi dan beras, tanaman (sayur-sayuran dan buah-buahan), ternakan serta perikanan dan akuakultur untuk meningkatkan pengeluaran makanan dalam negara.

Menurutnya, pada masa ini negara berupaya menghasilkan hampir semua bahan makanan asas yang diperlukan termasuk beras, sayur-sayuran, buah-buahan, daging ayam dan itik, daging lembu dan kerbau, telur ayam, telur itik, susu segar dan ikan.

"Berdasarkan kadar pengeluaran makanan negara, tahap sara diri atau self-sufficiency level (SSL) bagi daging ayam dan itik, telur ayam, telur itik dan ikan adalah melebihi 90 peratus. "Bagi buah-buahan dan sayur-sayuran tempatan, Malaysia telah mencapai SSL melebihi 100 peratus kecuali bagi buah mangga, kelapa, kubis, cili dan halia," katanya di Dewan Rakyat hari ini. Beliau menjawab pertanyaan Datuk Ahmad Nazlan Idris (BN-Jerantut) mengenai keupayaan negara dalam menjamin bekalan makanan negara tidak terputus bagi melindungi keterjaminan bekalan makanan.

Dalam pada itu, Ahmad berkata, beberapa bahan makanan lain seperti daging lembu, beras, sayur-sayuran dan buah-buahan beriklim sederhana (kubis, bawang, epal dan oren), negara masih bergantung kepada import bagi memenuhi keperluan domestik. Justeru menurutnya, bagi memastikan keberupayaan negara menjamin bekalan makanan secara berterusan, MAFI telah mengenal pasti beberapa hala tuju baharu dalam sektor pertanian. "Ia termasuk industri padi, tanaman ternakan dan perikanan bagi tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK12) untuk tempoh lima tahun akan datang (2021-2025) iaitu mengoptimumkan penggunaan tanah, meningkatkan aplikasi teknologi moden dan membangunkan varieti yang berkualiti bagi industri padi.

"Membangunkan komoditi sayur-sayuran dan buah-buahan yang bernilai tinggi untuk tujuan domestik dan eksport bagi industri tanaman," katanya. Beliau berkata, bagi meningkatkan pengeluaran daging dan susu, Lembaga Ruminan Negara ditubuhkan melalui Projek Rintis Tenuku di lima buah Lembah Tenuku. Katanya, bagi mengoptimumkan penggunaan sumber ternakan untuk meningkatkan pengeluaran daging dan susu negara, konsep 'circular economy' akan diperkenalkan kepada penternak ruminan.

"Kerajaan turut memperkukuh pengurusan dan penguatkuasaan serta menambahbaik infrastruktur dan kemudahan bagi industri perikanan. "Beberapa langkah yang akan terus dilaksana dan dipergiatkan oleh MAFI bagi memastikan kelestarian rantaian bekalan makanan terjamin," katanya.

Headline	M'sia can produce almost all food products - Mafi		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	04 Dec 2020	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	7	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	209 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 583
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,749



## M'sia can produce almost all food products – Mafi

**KUALA LUMPUR:** Malaysia is capable of producing almost all the basic foodstuffs it currently needs, the Dewan Rakyat was told yesterday.

Deputy Minister of Agriculture and Food Industry (Mafi) Datuk Seri Ahmad Hamzah said that based on the national food production rate the subsistence level for chicken and duck, chicken eggs and duck as well as fish was more than 90 per cent.

He said the country had reached a self-sufficiency level of more than 100 per cent for local fruits and vegetables except for mangoes, coconuts, cabbage, chillies and ginger.

"However, Malaysia still depends on imports for some other food items such as beef, rice and vegetables and fruits from temperate climates such as cabbage, onions, apples and oranges to meet domestic needs," he said.

He was answering a question from Datuk Ahmad Nazlan Idris (BN-Jerantut) who wanted to know the capability of the country in ensuring the country's food supply would not be curtailed, to protect food security.

Therefore, Ahmad said to ensure the country's capability in ensuring a continuous food supply, the ministry had identified several new directions in the agriculture sector including the rice, crop and livestock and fisheries industries for the next five years.

He said the new directions included optimising land use and increasing the application of modern technology in developing quality varieties for the rice industry as well as developing high value vegetable and fruit commodities for domestic and export purposes.

In addition, increasing meat and milk production through the establishment of the National Ruminant Board for the livestock industry and increasing milk production through dairy pilot projects in five dairy valleys, he said.

In the meantime, Ahmad

said Mafi was now in the final stages of preparing the National Agrofood Policy (DAN) 2.0 towards the development of a sustainable agro-food sector from 2021 to 2030.

Meanwhile, answering a question from Sim Tze Tzin (PH-Bayan Baru) on the remarks of the National Audit Report 2018 Series 3 Agricultural Consignment Import Control Activities Management, Ahmad said the ministry had made some improvements based on the National Audit report.

Among the improvements were import conditions for a plant, plant products and controlled articles would be determined based on the Pest Risk Analysis (PRA) which would be evaluated in more detail to ensure the imported goods, were free from plant diseases and pests, he said.

"Digitalisation, inspection through the use of the i-Maqis system for consignment inspection reports at the entrance will also be implemented," he said.

Sim, in his question, wanted to know the ministry's action over the National Audit Report 2018 Series 3 Agricultural Consignment Import Control Activity Management, which showed weaknesses in ensuring that imported agricultural consignments were free from the threat of pests, diseases, contaminants, were of quality and safe, and achievements, to date.

Apart from that, according to Ahmad, the enforcement element at the entrances in an integrated manner with all relevant enforcement departments and agencies, would also be strengthened.

"As of October 2020, the number of cases detained for offences is 1,105 cases with a trade value of RM134 million, 913 cases have been compounded with a collection value of RM3 million involving offences which included no import permit, no export permit," he said.

Meanwhile, he said the ministry had obtained confirmation from two parties before receiving imported goods. - Bernama

Headline	Basic food for self-sufficient		
MediaTitle	China Press		
Date	04 Dec 2020	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A9	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	151 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,979
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,936



## 牛肉洋葱稻须进口 基本食品可自供自足

(吉隆坡3日讯)农业与食品业部第一副部长拿督斯里阿末韩查指出,除了牛肉、稻米和温带气候的蔬果,如包菜、洋葱和小红葱、苹果和橙,需依靠进口来满足本地需求,国家有能力生产几乎全部所需的基本食品。

他说,鸡肉或鸭肉、鸡蛋或鸭蛋,以及鱼的自给自足水平(SS1)逾90%;

除了芒果、椰子、包菜、辣椒和姜,本地蔬果的自给自足水平则逾100%。

“为了确保国家的食物供应持续性,农业与食品业部已在为期5年的第12大马计划(RMKe-12)鉴定了几个新方向。

“这也包括发展高价值的蔬果作为本地和出口之用,通过成立国家反刍理事会及制酪试点计划,提

高牛肉和牛奶的生产,以及改善渔业管理、执法及设备。”

阿末韩查今日在国会下议院问答环节,如是回答巫统而连突区国会议员拿督阿末纳兹兰的提问。

另外,他回答公正党峇峇峇鲁区国会议员沈志勤的提问时说,截至今年10月,共有1105宗、总值1亿3400万令吉的进口农产品违规。

他说,其中913宗涉及没有进口准证、没有出口准证、虚假认证等,罚款数额达300万令吉。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/12/2020	THE BORNEO POST	ONLINE	

## **MALAYSIA CAN PRODUCE ALMOST ALL FOOD PRODUCTS CURRENTLY — MAFI**

KUALA LUMPUR: Malaysia is capable of producing almost all the basic foodstuff it currently needs, the Dewan Rakyat was told yesterday. Deputy Minister of Agriculture and Food Industry (MAFI) Datuk Seri Ahmad Hamzah said that based on the national food production rate the subsistence level for chicken and duck, chicken eggs and duck as well as fish was more than 90 per cent.

He said the country had reached a self-sufficiency level of more than 100 per cent for local fruits and vegetables except for mangoes, coconuts, cabbage, chillies and ginger. "However, Malaysia still depends on imports for some other food items such as beef, rice and vegetables and fruits from temperate climates such as cabbage, onions, apples and oranges to meet domestic needs," he said.

He was answering a question from Datuk Ahmad Nazlan Idris (BN-Jerantut) who wanted to know the capability of the country in ensuring the country's food supply would not be curtailed, to protect food security. Therefore, Ahmad said to ensure the country's capability in ensuring a continuous food supply, the ministry had identified several new directions in the agriculture sector including the rice, crop and livestock and fisheries industries for the next five years.

He said the new directions included optimising land use and increasing the application of modern technology in developing quality varieties for the rice industry as well as developing high value vegetable and fruit commodities for domestic and export purposes. In addition, increasing meat and milk production through the establishment of the National Ruminant Board for the livestock industry and increasing milk production through dairy pilot projects in five dairy valleys, he said.

In the meantime, Ahmad said MAFI was now in the final stages of preparing the National Agrofood Policy (DAN) 2.0 towards the development of a sustainable agro-food sector from 2021 to 2030. Meanwhile, answering a question from Sim Tze Tzin (PH-Bayan Baru) on the remarks of the National Audit Report 2018 Series 3 Agricultural Consignment Import Control Activities Management, Ahmad said the ministry had made some improvements based on the National Audit report.

Among the improvements were import conditions for a plant, plant products and controlled articles would be determined based on the Pest Risk Analysis (PRA) which would be evaluated in more detail to ensure the imported goods were free from plant diseases and pests, he said. "Digitalisation, inspection through the use of the I-Maqis system for consignment inspection reports at the entrance will also be implemented," he said.

Sim, in his question, wanted to know the ministry's action over the National Audit Report 2018 Series 3 Agricultural Consignment Import Control Activity Management, which showed weaknesses in ensuring that imported agricultural consignments were free from the threat of pests, diseases, contaminants, were of quality and safe, and achievements, to date.

Apart from that, according to Ahmad, the enforcement element at the entrances in an integrated manner with all relevant enforcement departments and agencies, would also be strengthened. "As of October 2020, the number of cases detained for offences is 1,105 cases with a trade value of RM134 million, 913 cases have been compounded with a collection value of RM3 million involving offences which included no import permit, no export permit," he said.

Meanwhile, he said the ministry had obtained confirmation from two parties before receiving imported goods.  
— Bernama

## Malaysia kini berupaya hasilkan semua makanan asas

**KUALA LUMPUR** - Malaysia berkeupayaan menghasilkan hampir semua bahan makanan asas yang diperlukan pada masa kini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, berdasarkan kadar pengeluaran makanan negara, tahap sara diri bagi daging ayam dan itik, telur ayam dan itik serta ikan melebihi 90 peratus.

Menurutnya, bagi buah-buahan dan sayur-sayuran tempatan pula, negara telah mencapai tahap sara diri melebihi 100 peratus kecuali untuk buah mangga, kelapa, kubis, cili dan halia.

"Bagaimanapun, beberapa bahan makanan lain seperti daging lembu, beras, sayur-sayuran dan buah-buahan beriklim sederhana seperti kubis, bawang, epal dan oren, negara masih bergantung kepada import bagi memenuhi keperluan domestik," katanya di Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan **Datuk Ahmad Nazlan Idris (BN-Jerantut)** yang

ingin tahu keupayaan negara dalam menjamin bekalan makanan negara tidak terputus bagi melindungi ketertarikan bekalan makanan.

Justeru, Ahmad berkata, bagi memastikan keupayaan negara dalam menjamin bekalan makanan secara berterusan, pihak Kementerian telah mengenal pasti beberapa hala tuju baharu dalam sektor pertanian termasuk industri padi, tanaman dan ternakan serta perikanan untuk tempoh lima tahun akan datang.

Menurutnya, hala tuju baharu itu termasuk mengoptimumkan penggunaan tanah dan meningkatkan aplikasi teknologi moden dalam membangunkan varieti berkualiti bagi industri padi serta membangun komoditi sayuran dan buah-buahan bernilai tinggi bagi tujuan domestik dan eksport untuk industri ta-naman.

Selain itu, katanya, pengeluaran daging dan susu ditingkatkan melalui pe-nubuhan Lembaga Ruminan Negara bagi industri ternakan dan meningkatkan pengeluaran susu melalui projek rintis tenusu di lima buah lembah tenusu.

Dalam pada itu, Ahmad berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan kini pada peringkat akhir menyediakan Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2.0 ke arah pembangunan sektor agromakanan yang mampan dari tahun 2021 hingga 2030.

Menjawab soalan **Sim Tze Tzin (PH-Bayan Baru)** mengenai tегuran Laporan Audit Negara Tahun 2018 Siri 3 Pengurusan Aktiviti Kawalan Import Konsainan Pertanian, Ahmad berkata, kementerian itu telah melakukan beberapa penambahbaikan berdasarkan laporan tersebut.

Menurutnya, antara penambahbaikan itu adalah syarat-syarat pengim-

portan bagi sesuatu tumbuhan, produk tumbuhan dan artikel terkawal akan ditentukan berdasarkan *Pest Risk Analysis (PRA)* yang bakal dinilai secara lebih terperinci bagi memastikan barangan diimport tersebut bebas daripada penyakit serta perosak tanaman.

"Turut dilakukan pendigitalan dan pemeriksaan melalui penggunaan sistem i-Magis untuk laporan pemeriksaan konsainan di pintu masuk," katanya.

Selain itu, Ahmad berkata, elemen penguatkuasaan di pintu masuk secara bersepadu dengan semua jabatan dan agensi penguatkuasaan berkaitan turut diperkukuhkan.

"Sehingga Oktober 2020, bilangan kes yang ditahan melakukan kesalahan adalah sebanyak 1,105 kes dengan nilai dagangan berjumlah RM134 juta dan sebanyak 913 kes dikompaun dengan nilai kutipan RM3 juta melibatkan kesalahan-kesalahan, antaranya tiada import permit dan tiada eksport permit," kata beliau. - *Bernama*



AHMAD HAMZAH

Headline	BERNAS gets extension for ten more years		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	04 Dec 2020	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A14a	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	134 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,502
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,507



# 国稻特许经营权延长10年 增条件保障政府利益

(吉隆坡 3 日讯) 政府同意将国家稻米公司 (Bernas) 的特许经营权延长 10 年, 合约期从明年 1 月 11 日至 2031 年 1 月 10 日。

农业及食品工业部长拿督斯里罗南建迪说, 政府已和国稻进行数次磋商, 以研究和敲定特许经营权合约的条件, 确保政府利益受到保障。

他今天在政府和国稻签署特许经营权仪式上说: “政府授权国稻根据配额进口米粮, 以弥补国内生产短缺, 而作为回报, 国稻必须进行政府规定的社会企业责任。”

“政府和国稻的合约也列明关键表现指标相关条件, 国稻必须符合合约目标和服务水平。”

政府和国稻的首次特许经营权是从 1996 年 1 月 12 日至 2011 年 1 月 11 日, 为期 15 年, 过后政府同意延长 10 年, 即从 2011 年至 2021 年 1 月 10 日。

罗南建迪说, 新的特许经营权加入了数项新条件, 包括将原



(档案照)  
国稻执行社会企业责任, 根据关键表现指标, 监督。罗南建迪表示, 监委会将

本 5 项社会企业责任增加至 10 项, 如根据政府规定的数量保存、管理和维持国家米粮库存, 作为稻农的米粮最后买家、管理和缴付稻农津贴及发展大型稻田。

他指出, 监督委员会将负责根据关键表现指标, 监督国稻执行社会企业责任。

“在世界经济受到新型冠状病毒疫情影响之际, 必须关注国家粮食供应情况。”

“因此, 相信国稻可凭着 24 年的经验, 协助政府确保人民粮食长期稳定。”

他说, 政府会确保国内粮食充足, 并持续确保米粮管理效率和竞争力。#



Headline	Govt extends Bernas concession for another 10 years		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	04 Dec 2020	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A3	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	227 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,855
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,566



# 特许经营权延长10年

(吉隆坡 3 日讯) 政府同意将国家稻米公司 (Bernas) 的特许经营权延长 10 年，合约期从明年 1 月 11 日至 2031 年 1 月 10 日。

农业及食品工业部长拿督斯里罗南建迪博士说，政府已和国稻进行数次磋商，以研究和敲定特许经营权合约的条件，确保政府利益受到保障。

他今天在政府和国稻签署特许经营权仪式上说：“政府授权国稻根据配额进口米粮，以弥补国内生产短缺，而作为回报，国稻必须进行政府规定的社会企业责任。”

“政府和国稻的合约也列明关键表现指标相关条件，国稻必须符合合约目标和服务水平。”

政府和国稻的首次特许经营权是从 1996 年 1 月 12 日至 2011 年 1 月 11 日，为期 15 年，过后政府同意延长 10 年，即从 2011 年至 2021 年 1 月 10 日。

## 加入数项新条件

罗南建迪说，新的特许经营权加入了数项新条件，包括将原本 5 项社会企业责任增加至 10 项，如根据政府规定的数量保存、管理和维持国家米粮库存、作为稻农的米粮最后买家、管理和缴付稻农津贴及发展大型稻田。

他指出，监督委员会将负责根据关键表现指标，监督国稻执行社会企业责任。

“在世界经济受到冠病疫情影响之际，必须关注国家粮食供应情况。”

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/12/2020	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

## KONSESI PENSWASTAAN BERNAS DILANJUTKAN 10 TAHUN LAGI



KUALA LUMPUR: Kerajaan telah bersetuju supaya konsesi Penswastaan Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) dilanjutkan selama 10 tahun bermula 11 Januari 2021 hingga 10 Januari 2031. Pelanjutan ini adalah penting dan relevan dalam melindungi komoditi strategik khususnya beras sebagai makanan ruji rakyat Malaysia.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiandee berkata, BERNAS diberikan hak selaku pengimport beras ke dalam negara berdasarkan kuota bagi menampung

kekurangan pengeluaran dalam negara seperti yang ditetapkan oleh kerajaan.

"Sebagai timbal balik, BERNAS perlu melaksanakan obligasi sosial yang ditetapkan oleh kerajaan. Secara keseluruhan, konsesi baharu telah ditambah baik dan beberapa terma baharu dibuat termasuk penambahan bilangan Obligasi Sosial daripada 5 kepada 10."

"Jawatankuasa Pemantauan sebagai badan penilai atau oversight body akan terus memantau pelaksanaan Obligasi Sosial BERNAS berdasarkan Key Performance Indicator (KPI) yang telah ditetapkan bagi setiap Obligasi Sosial yang telah dipersetujui," katanya ketika berucap pada majlis menandatangani perjanjian konsesi antara kerajaan dan Bernas di Auditorium Tun Ahmad Sarji di Lembaga Pertubuhan Peladang di sini semalam.

Menurut Kiandee lagi, perjanjian dengan BERNAS juga telah memperuntukkan klausa berkaitan KPI yang mensyaratkan BERNAS perlu mematuhi objektif perjanjian dan tahap perkhidmatan seperti yang telah dipersetujui.

"Dalam keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu kesan penularan pandemik COVID-19, jaminan bekalan makanan negara perlu diberi keutamaan. Justeru itu, dengan pengalaman sedia ada yang dimiliki oleh BERNAS selama 24 tahun dalam industri akan dapat membantu kerajaan dalam memastikan kestabilan bekalan makanan ruji rakyat Malaysia untuk jangka masa panjang."

"Kerajaan telah memastikan bekalan beras dalam negara mencukupi pada setiap masa dan akan terus memastikan pengurusan industri yang lebih efisien dan berdaya saing serta memastikan bekalan beras negara sentiasa terjamin," katanya.

Penglibatan BERNAS sepanjang 24 tahun dalam industri memberi kelebihan dalam menguruskan industri. Sepanjang tempoh konsesi, BERNAS telah mempunyai struktur pengurusan yang kukuh termasuk mempunyai 1,200 kakitangan yang kebanyakannya mempunyai pengalaman luas dan berkhidmat sejak era LPN.

Selain itu, BERNAS mempunyai 28 kilang beras yang beroperasi dengan kapasiti belian padi sebanyak 300,000 hingga 400,000 tan metrik setahun bernilai RM420 juta. BERNAS juga berupaya melaksanakan tugas mengurus stokpail beras negara melalui 24 gudang penyimpanan beras sedia ada di 5 zon utama negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/12/2020	SINAR HARIAN	ONLINE	

## BERNAS TERUS DIBERIKAN MANDAT



KUALA LUMPUR - Padiberas Nasional Berhad (Bernas) diberi hak pengimport beras ke dalam negara berdasarkan kuota bagi menampung kekurangan pengeluaran dalam negara seperti yang ditetapkan kerajaan. Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Ronald Kiandee berkata, kerajaan bersetuju konsesi penswastan Bernas dilanjutkan selama 10 tahun bermula Januari 2021 hingga 10 Januari 2031.

Menurutnya, lanjutan itu penting dan relevan dalam melindungi komoditi strategik khususnya beras sebagai makanan ruji rakyat Malaysia.

"Dalam keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu kesan penularan pandemik Covid-19, jaminan bekalan makanan negara perlu diberi keutamaan. Dengan pengalaman sedia ada yang dimiliki oleh Bernas selama 24 tahun dalam industri akan dapat membantu kerajaan dalam memastikan kestabilan bekalan makanan ruji rakyat Malaysia untuk jangka masa panjang.

"Kerajaan telah memastikan bekalan beras dalam negara mencukupi pada setiap masa dan akan terus memastikan pengurusan industri yang lebih efisien dan berdaya saing serta memastikan bekalan beras negara sentiasa terjamin," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya pada Majlis Menandatangani Perjanjian Konsesi di antara Kerajaan Malaysia dan Bernas di Auditorium Ahmad Sarji, Lembaga Pertubuhan Peladang di sini.

Perjanjian konsesi antara Kerajaan Malaysia dan Bernas ditandatangani oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid mewakili kerajaan Malaysia dan Pengarah Urusan Bernas, Ismail Mohamed Yusoff dan Pengerusi Bernas, Datuk Seri Rohani Abdul Karim mewakili Bernas dan disaksikan oleh Ronald.

Hadir sama, Timbalan Menteri I, Datuk Seri Ahmad Hamzah, Timbalan Menteri II, Datuk Che Abdullah Mat Nawawi, Penasihat Yayasan Al Bulkhary, Datuk Seri Abdul Aziz, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), Dr Anis Mahmud dan Ketua Pengarah Industri Padi dan Beras, Azman Mahmood.

Ronald berkata, kerajaan melalui MAFI, Unit Kerja Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri (UKAS, JPM), Kementerian Kewangan, Jabatan Peguam Negara (AGC), Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) dan Jabatan Akauantan Negara (JANM) telah mengadakan beberapa rundingan bersama Bernas bertujuan meneliti dan memuktamadkan terma, syarat serta perjanjian konsesi bagi memastikan kepentingan Kerajaan sentiasa dilindungi.

"Sebagai timbal balik, Bernas perlu melaksanakan Obligasi Sosial yang ditetapkan oleh kerajaan dan secara keseluruhan, konsesi baharu telah ditambahbaik dan beberapa terma baharu dibuat termasuk penambahan bilangan Obligasi Sosial daripada lima kepada 10.



Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Datuk Haslina Abdul Hamid mewakili MAFI dan Pengarah Urusan Bernas, Isdanal Mohamed Yusoff dan Pengerusi Bernas, Datuk Seri Rohani Abdul Karim mewakili Bernas menandatangani perjanjian dalam program itu. Hadir sama, Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Ronald Kiandee hari ini.

“Obligasi berkenaan ialah memelihara, menyelenggara, mengurus dan mengekalkan stok penimbal beras negara pada paras kuantiti yang ditetapkan oleh kerajaan (termasuk pembelian stok penimbal beras negara secara one-off sebanyak 140,000 metrik tan) dan mengekalkan peranan bagi bertindak sebagai pembeli terakhir untuk para petani padi,” katanya.

Ronald berkata, Bernas perlu menguruskan Pembayaran subsidi Kepada Petani di bawah Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) mengikut kadar yang ditetapkan oleh Kerajaan dan menguruskan Skim Pengilang, Pemborong dan Koperasi Petani serta memperuntukkan dana bagi pembekalan jentera dan mekanisasi padi.

“Bernas juga perlu membangunkan sawah berskala besar, menyediakan dana bagi pengurusan stok penimbal benih padi negara, memberikan bantuan tabung bencana dan menyediakan dana bagi pembangunan sistem maklumat industri padi dan beras serta menguruskan nutrien tanah sawah,” katanya.

Beliau berkata, Jawatankuasa Pemantauan sebagai badan penilai akan terus memantau pelaksanaan Obligasi Sosial Bernas berdasarkan KPI yang telah ditetapkan bagi setiap Obligasi Sosial yang telah dipersetujui.

“Perjanjian dengan Bernas juga telah memperuntukkan klausa berkaitan KPI yang mensyaratkan Bernas perlu mematuhi objektif perjanjian dan tahap perkhidmatan seperti yang telah dipersetujui,” katanya.

Sementara itu, Rohani berkata, Bernas komited dalam memenuhi mandat yang diberi dan akan bekerjasama dengan MAFI bagi memastikan bekalan makanan negara terus dipelihara dan pada masa yang sama merealisasikan perancangan kementerian untuk memperkasa industri padi dan beras tempatan.

“Pemeriksaan sektor pengeluaran padi dan beras tempatan bukan sahaja penting dalam menjamin pendapatan pesawah tetapi ia menjadi pemangkin kepada usaha untuk menjamin keselamatan makanan negara sekaligus menjamin kepentingan rakyat sebagai pengguna,” katanya.

## Wakil Malaysia ke Singapura isu daging ayam bioreaktor

Putrajaya: Kerajaan akan menghantar wakil ke Singapura bagi dapatkan pandangan berhubung daging ayam dihasilkan menggunakan bioreaktor dikeluarkan sebuah syarikat berpangkalan di Amerika Syarikat.

Menteri di Jabatan Pertanian Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri, berkata pihaknya akan menghantar wakil Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk mendapatkan pandangan dan penjelasan daripada pejabat mufti di republik itu.

Beliau berkata, berikutan perkara itu masih baharu, pihaknya akan meneliti dan bincang terlebih duhi sebelum mengeluarkan fatwa sama ada ayam berkenaan boleh dimakan oleh umat Islam di negara ini.

"Selepas dapat penjelasan mufti Singapura, kita bincang secara menyeluruh dan rujuk Majlis Fatwa Kebangsaan sama ada ia tidak mengutah faktor asal ayam dihasilkan itu," katanya selepas majlis penyerahan Surat Pelantikan Ke-pada Pegawai Penyelidik Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.

# Konsesi BERNAS dilanjut 10 tahun

## Usaha lindungi komoditi strategik sebagai makanan ruji

Kuala Lumpur: Kerajaan bersejua melanjutkan konsesi Padi-beras Nasional Bhd (BERNAS) bagi pendedaran beras di negara ini untuk tempoh 10 tahun lagi bermula 11 Januari 2021 hingga 10 Januari 2031, dalam usaha melindungi komoditi strategik khususnya beras sebagai makanan ruji rakyat Malaysia.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Khandee, berkata kerajaan mengadakan beberapa siri rundingan bersama BERNAS bertujuan meneliti dan memuktamadkan terma, syarat serta perjanjian konsesi bagi memastikan kepentingan kerajaan sentiasa dilindungi.

"BERNAS diberikan hak sela-

ku pengimport beras ke dalam negara berdasarkan kuota bagi menampung kekurangan pengeluaran dalam negara seperti yang ditetapkan kerajaan. Sebagai timbal balik, BERNAS perlu melaksanakan obligasi sosial yang ditetapkan kerajaan.

"Perjanjian dengan BERNAS juga memperuntukkan klausa berkaitan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang mensyaratkan BERNAS perlu mematuhi objektif perjanjian dan tahap perkhidmatan seperti dipersetujui," katanya pada Majlis Menandatangani Perjanjian Konsesi antara kerajaan Malaysia dan BERNAS di sini, semalam.

Konsesi pertama BERNAS, yang berfungsi memastikan kecukupan dan keselamatan makanan ruji negara, selama 15 tahun bermula pada 12 Januari 1996 sehingga 11 Januari 2011 dan dilanjutkan untuk tempoh 10 tahun lagi dari 11 Januari 2011 sehingga 10 Januari 2021.

Khandee berkata, secara keseluruhan, konsesi baharu ditam-

bah baik dengan beberapa terma baharu, termasuk penambahan bilangan obligasi sosial daripada lima kepada 10.

Antara obligasi sosial ini termasuk memelihara, menyelenggara, mengurus dan mengekalkan stok penimbal beras negara pada paras kuantiti yang ditetapkan kerajaan; bertindak sebagai pembeli terakhir padi daripada petani; pengurusan dan pembayaran subsidi kepada petani serta membangunkan sawah berskala besar.

Khandee memaklumkan pelaksanaan obligasi sosial BERNAS akan terus dipantau Jawatankuasa Pemantauan sebagai badan pemilai berdasarkan KPI yang ditetapkan untuk setiap obligasi sosial yang dipersetujui.

"Dalam keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu kesan daripada penularan pandemik COVID-19, jaminan bekalan makanan negara perlu diberikan keutamaan.

"Justeru, dengan pengalaman sedia ada dimiliki BERNAS se-



## Konsesi baharu ditambah baik dengan beberapa terma baharu.

Ronald Khandee,  
Menteri Pertanian  
dan Industri Makanan

lama 24 tahun dalam industri akan dapat membantu kerajaan, memastikan kestabilan bekalan makanan ruji rakyat Malaysia untuk jangka masa panjang," katanya.

Beliau berkata, kerajaan sudah memastikan bekalan beras dalam negara mencukupi pada setiap masa dan terus memastikan pengurusan industri yang lebih efisien dan berdaya saing serta memastikan bekalan beras negara sentiasa terjamin.

BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/12/2020	KOSMO	NEGARA	11

# Konsesi Bernas dilanjut

**KUALA LUMPUR** – Kerajaan bersetuju melanjutkan konsesi penswastaaan Padiberas Nasional Berhad (Bernas) selama 10 tahun bermula 11 Januari 2021 hingga 10 Januari 2031.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiang berkata, pelanjutan itu penting dan relevan bagi melindungi komoditi strategik khususnya beras sebagai makanan ruji rakyat Malaysia.

“Bernas diberikan hak selaku pengimport beras ke dalam negara berdasarkan kuota bagi menampung kekurangan pengeluaran dalam negara seperti yang ditetapkan kerajaan.

“Sebagai timbal balik, Bernas perlu melaksanakan obligasi sosial yang ditetapkan kerajaan,” katanya selepas majlis menandatangani perjanjian konsesi antara kerajaan dan Bernas di Auditorium Tun Ahmad Sarji di sini semalam.

Perjanjian tersebut ditanda-



**RONALD** (kiri) dan **Rohani** (kanan) pada Majlis Menandatangani Perjanjian Konsesi antara Kerajaan dan Bernas di Kuala Lumpur semalam.

tangani Pengerusi Bernas, Datuk Seri Rohani Abdul Karim; Pengarah Urusan Bernas, Ismail Mohamed Yusoff dan Timbalan

Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Haslina Abdul Hamid.

4/12/2020

UTUSAN

DALAM

4

MALAYSIA

NEGERI

## MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN KONSESI DI ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DAN BERNAS



AUDITORIUM TUN AHMAD SARJIT  
LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

**RONALD KIANDEE** (duduk, dua dari kiri), **Rohani Abdul Karim** (duduk, dua dari kanan), **Haslina Abdul Hamid** (kiri) dan **Pengarah Urusan Bernas, Ismail Mohd. Yusoff** (kanan) dalam Majlis Menandatangani Perjanjian Konseksi antara Kerajaan Malaysia dan Bernas di Kuala Lumpur, semalam.

# Konseksi Bernas dilanjutkan

**KUALA LUMPUR:** Kerajaan ber-setuju melanjutkan konseksi per-swastaan Padiberas Nasional Berhad (Bernas) untuk tempoh 10 tahun lagi.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiandee berkata, lanjutan konseksi itu akan bermula pada 11 Januari 2021.

"Pelanjutan ini penting dalam melindungi komoditi strategik khususnya beras sebagai makanan ruji rakyat Malaysia. Dalam keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu, kesan pe-

nalaran kes Covid-19, jaminan bekalan makanan negara perlu diberi keutamaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyaksikan majlis menandatangani perjanjian konseksi antara kerajaan dan Bernas di ibu pejabat Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) di sini, semalam.

Perjanjian konseksi tersebut ditandatangani oleh Pengerusi Bernas, Datuk Seri Rohani Abdul Karim dan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Haslina Abdul Hamid.

Tambah Ronald, konseksi baharu itu telah ditambah baik dengan beberapa terma baharu termasuk penambahan bilangan obligasi sosial yang perlu dilaksanakan oleh Bernas.

Antara obligasi sosial baharu Bernas adalah membangunkan sawah berskala besar, menyedaikan dana bagi pengurusan stok penimbal benih padi negara, memberikan bantuan tabung bencana dan menyediakan dana bagi pembangunan sistem maklumat industri padi dan beras negara.

# Kerajaan lanjut konsesi Bernas

Dilanjutkan selama 10 tahun bermula pada Januari 2021

Oleh NORSHAHZURA MAT ZUKI

## KUALA LUMPUR

**P**adiberas Nasional Berhad (Bernas) diberi hak pengimport beras ke dalam negara berdasarkan kuota bagi menampung kekurangan pengeluaran dalam negara seperti yang ditetapkan kerajaan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Ronald Kiangdee berkata, kerajaan bersetuju konsesi perswastaaan Bernas dilanjutkan selama 10 tahun bermula pada Januari 2021 sehingga 10 Januari 2031.

Menurutnya, lanjutan itu penting dan relevan dalam melindungi komoditi strategik, khususnya beras sebagai makanan rufi rakyat Malaysia.

"Dalam keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu kesan penularan pandemik Covid-19, jaminan bekalan makanan negara perlu diberi keutamaan.

"Dengan pengalaman dimiliki Bernas selama 24 tahun



Dari kiri: Haslina, Ronald, Rohani dan Ismail selepas menandatangani Perjanjian Konsesi antara Kerajaan Malaysia dan Bernas di Kuala Lumpur semalam.

dalam industri, ia akan dapat membantu kestabilan bekalan makanan rufi rakyat Malaysia untuk jangka masa panjang.

"Kerajaan telah memastikan bekalan beras mencukupi pada setiap masa dan akan terus memastikan pengurusan industri yang lebih efisien serta berdaya saing supaya bekalan beras negara sentiasa terjamin," katanya pada Majlis Menandatangani Perjanjian Konsesi antara Kerajaan Malaysia dan Bernas di sini semalam.

Perjanjian tersebut ditandatangani Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid yang mewakili kerajaan Malaysia, Bernas, Ismail Mohamed Yusoff dan Pengerusi Bernas, Datuk Seri Rohani Abdul Karim mewakili Bernas.

Sementara itu, Ronald berkata, kerajaan telah mengadakan beberapa rundingan bersama Bernas yang bertujuan meneliti dan memuktamadkan

terma, syarat serta perjanjian konsesi bagi memastikan kepentingan kerajaan sentiasa dilindungi.

Menurutnya, sebagai timbal balik, Bernas perlu melaksanakan obligasi sosial yang ditetapkan kerajaan dan secara keseluruhan, konsesi baharu telah ditambahbaik, malah beberapa terma baharu dibuat termasuk penambahan bilangan obligasi sosial daripada lima kepada 10.

"Obligasi tersebut adalah

memelihara, menyelenggara, mengurus dan mengekalkan stok penimbal beras negara pada paras kuantiti yang ditetapkan kerajaan termasuk pembelian stok penimbal beras negara secara *one-off* sebanyak 140,000 tan metrik dan mengekalkan peranan bagi bertindak sebagai pembeli terakhir untuk petani padi," katanya.

Ronald berkata, Bernas perlu menguruskan pembayaran subsidi kepada petani di bawah Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) mengikut kadar ditetapkan kerajaan dan menguruskan Skim Pengilang, Pemborong dan Koperasi Petani serta memperuntukkan dana bagi pembekalan jentera dan mekanisasi padi.

"Bernas juga perlu membangunkan sawah berskala besar, menyediakan dana bagi pengurusan stok penimbal benih padi negara, memberi bantuan tabung bencana dan menyediakan dana bagi pembangunan sistem maklumat industri padi dan beras serta menguruskan nutrien tanah sawah," katanya.

Beliau berkata, Jawatankuasa Pemantauan sebagai badan pemilai akan terus memantau pelaksanaan obligasi sosial Bernas berdasarkan KPI yang telah ditetapkan bagi setiap obligasi sosial yang telah dipersetujui.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/12/2020	SINAR HARIAN	MUKA DEPAN	1

# DUA MENTERI BERTINDAK PERANGI DAGING SELUDUP TAK HALAL

LAPORAN KHAS



ALEXANDER

DR ZULKIFLI

DUA Menteri Kabinet memberi jaminan akan mengambil tindakan tegas berhubung pembekalan daging seludup tidak halal di negara ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri semalam berkata demikian ketika mengulas laporan pendedahan *Sinar Harian* mengenai taktik jahat kartel yang menyeludup daging sejuk beku sebelum membungkus semula daging tersebut dengan logo halal.

Menurut Alexander, semua cawangan KPDNHEP di seluruh negara akan diarah untuk melakukan pemeriksaan bersepadu dengan Jabatan Agama Islam Negeri terhadap produk daging sejuk beku.

Katanya, mana-mana produk mempunyai logo atau perbincangan yang diedarkan oleh kedua-dua syarikat orang kena saman (OKS) dalam kes di Johor akan diambil tindakan dan disita.

Sementara itu, menurut Zulkifli, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) diarah membuat pemantauan berhubung isu tersebut bagi memastikan tiada pihak menyalahgunakan cop halal.

MUKA 2, 3, 5 & 8

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/12/2020	SINAR HARIAN	MUKA DEPAN	1



JAINJ bersama penguatkuasa lain bekerjasama menjalankan pemeriksaan di dalam gudang daging sejuk beku yang dipercayai beroperasi tanpa sijil halal serta menggunakan cop dan pelekat halal palsu.

## Terbongkar gudang kartel proses daging babi

PEMBONGKARAN *Sinar Harian* berkaitan kegiatan kartel daging sejuk beku tidak halal menemui satu lagi kejutan besar. Siasatan pihak berkuasa mendapati gudang haram yang dikenakan tindakan sita dalam serbuan pihak berkuasa kelmarin bukan sahaja membungkus semula daging sejuk beku dari sumber yang tidak sah malah turut menerima kemasukan daging babi di situ. Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menemui resit penghantaran pesanan (delivery order) bagi membawa keluar organ dalaman iaitu perut babi daripada premis berkenaan yang bertarikh 5 November 2020.

4/12/2020

SINAR  
HARIANSINDIKET  
PENYELUDUPAN  
DAGING SEJUK  
BEKU

2



## SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU

Laporan NURUL HUDA HUSAIN, TUAN BUQHAIKRAH TUAN MUHAMAD ADNAN, MUHAMMAD AMNAN HIBRANTIM, ZULHISHAM ISAHAK, NORAFIDAH ASSAN, NOR FARHANA YAACOB dan ROSHILA MURNI ROSLI

# Menteri arah pemeriksaan bersepadu

Cawangan KPNDHEP di seluruh negara diarah lakukan pemeriksaan bersepadu

SHAH ALAM

**S**emua cawangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPNDHEP) di seluruh negara akan diarah untuk melakukan pemeriksaan bersepadu dengan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) terhadap produk daging sejuk beku.

Menterinya, Datuk Alexander Nanta Linggi berkata, surat arahan berhubung perkara itu akan dikeluarkan susulan terbongkarnya taktik menyeludup daging sejuk beku dari luar negara sebelum membungkusnya semula dengan logo halal dan menjualnya ke pasaran seluruh Malaysia di Johor baru-baru ini.

Katanya, mana-mana produk mempunyai logo atau perbincangan yang diendahkan oleh kedua-dua syarikat orang kena saman (OKS) dalam kes di Johor akan diambil tindakan dan disita.

"Kementerian akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana peniaga yang menggunakan perbincangan halal secara palsu dan akan bekerjasama dengan agensi lain.

"Undang-undang berkaitan pengimportan masuk daging sejuk beku dikuatkuasakan oleh agensi-agensi seperti

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Miqis), Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).

"Hanya daging sejuk beku yang dikeluarkan oleh loji yang disahkan oleh DVS dibenarkan untuk dibawa masuk ke Malaysia," katanya secara eksklusif kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas mengenai tindakan yang akan diambil kementerian susulan terbongkarnya taktik jahat kartel yang menyeludup daging sejuk beku dari China, Ukraine, Brazil dan Argentina sebelum membungkus semula daging tersebut dengan logo halal dan menjualnya ke pasaran seluruh Malaysia terbongkar dalam serbuan bersepadu pihak berkuasa di sebuah gudang di Senai pada Selasa lalu.

Hasil risikan Miqis mendapati kartel berkenaan dipercayai menyamar sebagai syarikat pembekal daging sejuk beku telah menjadikan gudang berkenaan sebagai lokasi untuk membuat label dan cap palsu yang kemudiannya akan ditampal pada kotak daging yang telah dibungkus semula itu.

Mengulas lanjut, beliau berkata, ketika ini dua kertas siasatan telah dibuka oleh Seksyen Penguat kuasa, Pejabat KPNDHEP Johor Bahru berhubung produk daging sejuk beku yang menggunakan logo halal Jakim dan logo halal luar negara yang disyaki ditampal secara tidak sah.

Sehubungan itu, katanya, status halal daging sejuk beku itu diragui kerana penggunaan logo adalah disyaki secara

tidak sah tersebut.

"Siasatan baru bermula dan kes sedang disiasat oleh KPNDHEP Johor. Kertas siasatan akan dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk pandangan sebelum kes diteruskan ke peringkat pengkompaunan atau pendakwaan.

"Pengesahan dan siasatan lanjut berdasarkan dokumen juga akan dibuat dengan agensi lain untuk melengkapkan siasatan," katanya.

Sementara itu, ditanya sama ada kementeriannya akan membawa isu tersebut kepada Kabinet, Alexander berkata,

tindakan lanjut akan diambil berdasarkan perundangan di bawah bidang kuasa KPNDHEP.

Katanya, pemeriksaan berkaitan pnyalahgunaan logo halal bagi produk daging beku akan diteruskan dan operasi bersepadu dengan agensi-agensi berkaitan juga akan dilaksanakan.

"Perkara berkaitan pengimportan adalah di bawah bidang kuasa agensi lain seperti Kastam, DVS, Miqis, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan lain-lain.

"KPNDHEP juga akan memanta hasil siasatan terhadap kedua-dua kes ini terutama berkaitan dokumentasi pengimportan dan sumber da

mana produk tersebut dibawa masuk untuk mengamb tindakan selanjutnya," katanya.

Laporan *Sinar Harian* mengenai sindiket penyeludupan daging sejuk beku.



ALEXANDER



## Pantau pembekalan daging diseludup

**PUTRAJAYA** - Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) akan membuat pemantauan berhubung pembekalan daging sejuk beku diseludup yang dijual di pasaran negara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri berkata, tindakan itu bagi memastikan tiada pihak menyalahgunakan cop halal.

"Kita tidak mahu ada pihak yang mengambil kesempatan melakukan perkara tidak betul," katanya pada sidang akhbar selepas menyampaikan surat watakah pelantikan 52 Pegawai Penyelidik Baharu Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan di sini semalam.

Menurutnya, tujuan pengesanan halal untuk memastikan daging yang dijual benar-benar halal.

"Kita akan dapatkan perinciannya. Pemangku Ketua Pengarah Jakim, Datuk Abdul Aziz Jusoh akan beri laporan kepada saya kelak," katanya.

Beliau berkata demikian mengulas mengenai taktik jahat kartel yang



ZULKIFLI

menyeludup daging sejuk beku dari China, Ukraine, Brazil dan Argentina sebelum membungkus semula dengan logo halal dan menjualnya ke pasaran Malaysia.

Perkara itu dilaporkan *Sinar Harian* dalam serbuan bersepadu agensi penguat kuasa di sebuah gudang di Senai pada Selasa lalu.

Modus operandi sindiket terbahit ialah mendapatkan stok daging sejuk beku dari luar negara sebelum dikatakan diseludup melalui Pelabuhan Pasir Gudang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas.

Bagi memastikan kegiatan penyeludupan terbahit berjaya, mereka dipercayai menggunakan dokumen palsu termasuklah borang Kastam, permit import, sijil halal atau pun resit bayaran.

Bagi mengaburi mata pihak berkuasa pula, sindiket turut mengimport daging daripada sumber yang sah sebelum dibawa ke gudang terbahit di Senai.

Stok daging yang diseludup diletakkan bersama dengan yang sah sebelum diedarkan ke seluruh negara.

### JADUAL WAKTU SOLAT

	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGRIB	ISYAK
PERLIS	6:02	7:16	1:11	4:32	7:03	8:18
ALOR SETAR	6:02	7:14	1:11	4:32	7:04	8:18
PULAU PINANG	6:01	7:13	1:11	4:33	7:05	8:19
IPOH	5:58	7:08	1:09	4:31	7:04	8:18
KOTA BHARU	5:54	7:08	1:04	4:25	6:57	8:07
KUALA TERENGGANU	5:50	7:03	1:00	4:22	6:54	8:08
KUANTAN	5:46	7:00	1:01	4:23	6:58	8:13
KUALA LUMPUR - PUTRAJAYA	5:53	7:04	1:06	4:29	7:04	8:18
SHAH ALAM	5:53	7:03	1:06	4:28	7:04	8:18
SEREMBAN	5:49	7:03	1:05	4:28	7:06	8:17
BANDAR MELAKA	5:49	7:02	1:04	4:27	7:02	8:17
JOHOR BAHRU	5:41	6:55	12:58	4:21	6:57	8:12

4/12/2020

SINAR  
HARIANSINDIKET  
PENYELUDUPAN  
DAGING SEJUK  
BEKU

3

## SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU



# Dokumentasi tidak jelas

Ada pihak yang mengambil kesempatan terhadap kelemahan melibatkan proses dokumentasi

SHAH ALAM

**K**elompokan dalam sistem pemantauan dan pengurusan daging import oleh pihak berkuasa dikenal pasti antara punca berlakunya penyeludupan daging haram ke negara ini.

Ketua Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan berkata, ada pihak yang mengambil kesempatan di atas kelemahan melibatkan proses dokumentasi antara daging import yang akan diekspor semula ke negara luar dan daging import untuk pasaran dalam negara.

"Ada sesetengah, ia lebih kepada melibatkan penyeludupan maknanya daging yang diimport ke dalam negara itu sepatutnya diekspor balik

tetapi dia tak buat.

"Jadi mungkin sistem itu kena 'kedap udara' (tiada ruang untuk sebarang manipulasi) supaya dia boleh menentukan atau menjamin tiada sebarang kebulosan yang berlaku.

"Maknanya kalau daging import itu masuk ke Malaysia tujuannya untuk diekspor kembali, penguat kuasa perlu cari satu sistem kaedah macam mana nak dapatkan bukti bahawa daging tersebut telah diekspor ke luar," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai pembongkaran sindiket kartel daging haram oleh pihak berkuasa di Senai, Johor pada Selasa lalu.

Sehubungan itu, Nadzim meminta kerajaan untuk hadir dengan sebuah kaedah dokumentasi dan pemantauan yang jelas kerana isu penyeludupan daging haram ini dilihat telah berlaku sejak sekian lama.




NADZIM

"Ia (penyeludupan daging) sebenarnya sudah lama dan berterusan. Mungkin agensi-agensi penguat kuasa ini dah melakukan tugas mereka tetapi masih terdapat ruang yang memerlukan mereka untuk mempertingkatkan lagi penguatkuasaan yang dijalankan," katanya.

Terdahulu, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) mendedahkan kegiatan penyeludupan masuk daging sejuk beku dari Ukraine, Brazil, Argentina dan China itu dilakukan sindiket terbabit dipercayai menggunakan dokumen palsu termasuk borang kastam, permit import, sijil halal atau pun resit bayaran.

Difahamkan, sindiket tersebut turut mengimport daging daripada sumber yang sah sebelum dibawa ke gudang terbabit dan akan diletakkan di satu bahagian khas untuk disimpan dalam usaha mereka mengaburi mata pihak berkuasa.

## RISIKO DAGING IMPORT TIDAK SAH KEPADA PENGGUNA



- Tidak dipantau dan diperiksa dengan ketat
- Tidak diketahui halwan bebas penyakit atau tidak
- Bimbang daging dicemari mikroorganisma seperti *Campylobacter* spp, *Salmonella* spp, *Escherichia coli*, *Listeria monocytogenes*, *Yersinia enterocolitica*, *Staphylococcus*, *Acrobacter*, *Clostridium*, *Mycobacterium* dan *Bacillus cereus*
- Daging boleh dicemari parasit seperti *Taenia* dan daripada protozoa seperti *Trichinella*, *Sarcocystis*, *Toxoplasma gondii* dan *Cryptosporidium parvum*
- Menyebabkan keracunan makanan dan kematian
- Tiada jaminan status halal

## Daging import haram dijual secara online

SHAH ALAM - Penjualan daging yang diragui status halalnya dikesan turut dijual secara berleluasa menerusi platform dalam talian sejak awal tahun ini.

Difahamkan, penjualan daging tersebut mendapat permintaan tinggi kerana harganya lebih murah daripada harga pasaran.

Menurut seorang pengedar daging premium, Mohd Hafis Khairulah, perkara berkenaan didapati berlaku sejak awal tahun ini dan lebih rancak apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan di seluruh negara.

Jelasnya, antara daging seludup yang didapati mendapat permintaan tinggi dalam talian ialah daging premium seperti daging wagyu.

"Sekarang ini, penyeludup akan menjual produk mereka secara dalam talian. Mereka akan membuka tempahan melalui sosial media seperti contohnya aplikasi WhatsApp.

"Harga yang ditawarkan juga didapati lebih murah daripada harga pas-



MOHD HAFIS

ran," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* di sini kelmarin.

Beliau berkata, apa yang membimbangkan ialah kebanyakan daging seludup berkenaan didapati tidak melalui proses pensijilan halal yang ditetapkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

"Disebabkan permintaan yang tinggi, penyeludup ini telah mengambil kesempatan dengan menjual daging berkenaan lebih murah daripada harga pasaran," katanya.

Sehubungan itu, Mohd Hafis berpandangan bahawa sebuah pasukan untuk memantau status daging yang dijual melalui platform dalam talian perlu ditubuhkan bagi memastikan status produk berkenaan.

Menurutnya, cara tersebut pada masa yang sama juga akan turut membantu pihak berkuasa bagi mengenal pasti pihak yang melakukan penyeludupan daging haram ke Malaysia.

## Kerajaan perlu ambil tindakan tegas terhadap kartel

JOHOR BAHRU - Kerajaan wajar mengambil tindakan undang-undang yang tegas terhadap kartel menyeludup daging sejuk beku sebelum membungkusnya semula dengan logo halal dan menjualnya ke pasaran seluruh Malaysia.

Yang Dipertua Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) Johor Bahru, Wan Mohd Azli Wan Ahmad berkata, pihaknya memandang serius isu itu kerana melibatkan status halal yang amat dititikberatkan umat Islam.

"Bagaimana hal yang sensitif begitu dilakukan tanpa rasa apa-apa oleh pihak yang bertanggungjawab. Ia amat menyedihkan.

"Agama Islam sangat menitikberatkan makanan halal kerana memberikan implikasi yang besar. Dalam kes ini, umat Islam ditipu dengan label halal sedangkan daging tersebut haram.

"Walaupun tidak berdosa memakannya (kerana tidak tahu) tetapi kesannya tetap berlaku terhadap tubuh badan manusia tersebut," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurutnya, makanan halal ialah makanan yang mendapat kerediaan ALLAH dan membawa kebaikan rohani

dan jasmani.

"ISMA Johor Bahru mengucapkan tabiah kepada Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) dan Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kerana berjaya membongkar isu tersebut dalam sebulan di sebuah Gudang di Senai semalam," katanya.



4/12/2020

SINAR  
HARIANSINDIKET  
PENYELUDUPAN  
DAGING SEJUK  
BEKU

8

# Gudang kartel proses daging babi

Pihak berkuasa menemui resit pesanan perut babi

JOHOR BAHRU

Pembongkaran secara eksklusif *Sinar Harian* berkaitan kegiatan kartel daging sejuk tidak halal sejak beberapa hari lalu menemui satu lagi kejutan menggemparkan.

Siasatan pihak berkuasa mendapati gudang haram yang dikenakan tindakan sita dalam serbuan pihak berkuasa kelmarin bukan sahaja membungkus semula daging sejuk beku dari sumber yang tidak sah malah turut menerima kemasukan daging babi di situ.

Perkara itu terbukti apabila siasatan Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menemui resit penghantaran pesanan (*delivery order*) bagi membawa keluar organ dalam iaitu perut babi daripada premis berkenaan yang bertarikh 5 November 2020.

Difahamkan dokumen berkenaan ditemui ketika pemeriksaan rapi dilakukan ke atas beberapa dokumen penting syarikat itu.

Tulisan berkenaan ditulis dalam bahasa Mandarin serta tertera perkataan dalam bahasa Melayu bertulis 'perut babi' berjumlah 50 kotak dengan anggaran keseluruhannya seberat satu tan.

Sumber JKDM berkata, siasatan lanjut terus dilaksanakan ke atas pekerja syarikat sebaik



JAINJ bersama penguatkuasa lain bekerjasama menjalankan pemeriksaan di dalam gudang daging sejuk beku yang dipercayai beroperasi tanpa sijil halal serta menggunakan cap dan pelekat halal palsu.

**LAPORAN KHAS**

Pihak berkuasa menemui buku *delivery order* yang memaparkan penerimaan organ berupa perut babi sebanyak 50 kotak di gudang itu.



sahaja resit penerimaan daging babi itu ditemukan.

"Bagaimanapun, soal siasat terhadap pekerja asing yang ditemui di asrama pekerja gudang terbabit tidak mengaku bahawa mereka terlibat menulis dan mengesahkan penerimaan daging babi berkenaan berdasarkan tanda tangan pada dokumen itu.

"Bila kita rujuk semula dengan penyelia gudang, dia mengatakan bahawa ia ditulis

oleh pekerja warga asing di situ. Itu amat mencurigakan.

"Kita sendiri telah panggil pekerja warga Bangladesh dan Indonesia di situ dan mereka sendiri kata mereka tidak pernah buat kerja dokumentasi, hanya ditugaskan kerja-kerja seperti pemunggahan, mengangkat dan susun daging," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Menurut sumber itu lagi, adalah mustahil pekerja asing yang tidak tahu berbahasa Mandarin dan Melayu menulis di

buku terbabit.

"Ada sesuatu yang cuba disembunyikan," katanya.

Sementara itu, salah seorang pekerja warga Indonesia yang disiasat berkata, mereka hanya melakukan tugas membawa forklift sahaja.

"Kami semua tidak tahu tentang buku itu. Bukan kami yang tulis. Kerja kami di sini hanya membuat kerja-kerja berat sahaja," katanya.

Tiada pemilikan sijil halal

JAINJ juga mengesahkan, gudang pembekal daging sejuk beku di Senai, di sini tiada pemilikan sijil halal yang sah.

Sumber JAINJ berkata, selepas pemeriksaan, pihaknya mendapati syarikat terbabit memalsukan kotak, pelekat dan logo halal sekali gus status daging yang terdapat di gudang terbabit adalah diragui.

"Bila kita periksa di dalam tempat simpanan daging sejuk beku itu, kita jumpa beberapa kotak berisi organ dalam iaitu organ perut yang dipercayai menggunakan logo halal palsu. "Syarikat itu sememangnya mengelirukan pengguna Islam terutamanya kononnya daging itu adalah sah.

"Kita akan bekerjasama dengan pihak berkuasa berkaitan seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk tindakan lebih tegas," katanya.

## Seludup kaki itik dan kaki angsa

SEMENTARA itu, pemeriksaan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) mendapati terdapat daging sejuk beku membabitkan daging itik dan kaki angsa.

Dipercayai daging itik itu dibawa masuk dari Perancis manakala terdapat daging-daging sejuk beku yang lain dibawa masuk dari negara seperti United Kingdom, Itali, Belgium dan Sepanyol berdasarkan tag dan label pada kotak.

Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan Maqis, Siti Nur Ahmad berkata, pemeriksaan lanjut pihaknya mendapati gudang berkenaan memiliki beberapa penama syarikat yang mencurigakan.

"Salah satu nama syarikat terbabit mengaitkan nama pengusaha industri buah-buahan. "Dipercayai ia adalah sebagai *dummy*. Kita juga dapati alamat syarikat yang tertera menggunakan alamat rumah, alamat syarikat lain serta alamat tidak wujud," katanya.

Semalam, pihak berkuasa memantau 24 jam gudang kartel daging sejuk beku berkenaan bagi mengelakkan bahan bukti utama tersebut hilang atau dilarikan kumpulan sindiket berkenaan.

Daging sejuk beku yang diseludup masuk tanpa pengesahan halal tersebut masih dalam proses dokumentasi sebelum dibawa keluar untuk tindakan lanjut.

Difahamkan proses tersebut mengambil masa yang agak panjang kerana jumlah sitaan yang begitu besar.

Ketua Polis Johor, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay mengesahkan menerima laporan berhubung pembongkaran itu.

Kelmarin, Ketua Pengarah Maqis, Saiful Yazan Alwi mendedahkan kegiatan penyeludupan masuk daging sejuk beku dari Ukraine, Brazil, Argentina dan China itu dilakukan sindiket dipercayai menggunakan dokumen palsu termasuklah borang kastam, permit import, sijil halal dan resit bayaran.



JKDM menyiasat siasat pekerja warga asing gudang terbabit berkenaan dalam misi mengesan mereka menulis dan mengetahui tempahan perut babi seperti yang tercatat dalam buku *delivery order* tersebut.